



مجلس دائيره كيمبر فيراق دار الرضوان

MAJLIS DAERAH KAMPAR

KOMPLEKS PENTADBIRAN, MAJLIS DAERAH KAMPAR,
JALAN ISKANDAR, 31900 KAMPAR, PERAK DARUL RIDZUAN



“MAJU DAN MEMBANGUN”

Rujukan kami : Bil.(4) MDKpr(OSC)1/2017

Tarikh : 18 Rabiulawal 1439H
7 Disember 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN.

PER : PELAKSANAAN PENGGUNAAN SISTEM OSC ONLINE (VERSI 2) 2018

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Sistem OSC Online atau permohonan pelan pembangunan melalui atas talian akan dilaksanakan semula oleh Unit Pusat Setempat (OSC MDKpr) pada tahun 2018.

3. Jesteru itu, semua perunding (PSP/SP/Pemaju) yang terlibat dengan skim pembangunan **diwajibkan** untuk mendaftarkan syarikat masing-masing di kaunter Unit Pusat Setempat (OSC MDKpr) bermula dari 13 Disember 2017.

4 Untuk makluman Tuan/Puan, pelaksanaan Sistem OSC Online Fasa 1 iaitu pada 1 Januari 2018 akan melibatkan permohonan Pelan Lampu Jalan, Pelan Landskap dan Pelan Nama Taman sahaja. Manakala bagi permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Jalan & Saliran dan Pelan Kerja Tanah akan dilaksanakan dalam Fasa 2 iaitu pada bulan Mac 2018.

5. Sehubungan itu, dimohon supaya Tuan/Puan mengambil maklum terhadap perkara ini dan membuat tindakan segera agar perjalanan sistem ini berjalan dengan lancar. Kerjasama Tuan/Puan amatlah kami hargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR, AMP.)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kampar
Perak Darul Ridzuan.